

09/05/2001

GP takraw: Laluan Pahang sukar

Haryani Ngah

PAHANG selaku tuan rumah sirkit ketiga Kejohanan Sepak Takraw Perilly's Grand Prix Kebangsaan terpaksa berdepan detik sukar kerana diundi dalam kumpulan A bersama juara bertahan, Kuala Lumpur pada 16 hingga 20 Mei ini di Dewan Balora Mastika, Jengka, Maran.

Turut sama di undi dalam kumpulan A ialah PDRM dan perlawanan pertama ke atas PDRM pada 17 Mei ini seharusnya dimanfaatkan Pahang sepenuhnya sebelum menghadapi saingan Kuala Lumpur.

Ketika Pahang bakal menghadapi pergelutan dengan Kuala Lumpur, Selangor juara sirkit pertama di Shah Alam mungkin dapat mengembalikan maruah mereka yang tercalar di Pulau Pinang, bulan lalu.

Diundi dalam kumpulan C, peluang buat Selangor membalas dendam kerana gagal melangkah ke suku akhir bulan lalu, jelas terhidang seawal perlawanan pertama apabila berdepan Sabah, pasukan yang belum mempunyai sebarang mata daripada dua sirkit.

Walaupun tampak mudah, tetapi mereka tidak seharusnya cepat melatah sebaliknya berusaha mengembalikan penguasaannya di gelanggang.

Begitupun agak sukar meramalkan pasukan mana yang bakal membawa pulang gelaran juara yang menawarkan wang tunai berjumlah RM7,000 kerana sirkit kali ini menampilkan regu A.

Ahli Jawatankuasa kejohanan, Mahathir Mohamad berkata, kejohanan tahun ini memerlukan setiap pasukan menghantar dua regu iaitu A dan B, membabitkan pemain bawah 22 tahun dan bawah 35 tahun.

"Regu A bermain dalam sirkit pertama, ketiga dan kelima, manakala regu B memberi saingan dalam sirkit kedua, keempat dan keenam.

"Setiap pasukan akan mengumpul mata daripada sirkit pertama hingga keenam dan lapan pasukan mengumpul mata tertinggi layak ke suku akhir," katanya dalam sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

Bagi menghadapi GP akhir, setiap pasukan boleh menggabung pemain daripada regu A dan B dalam usaha merebut gelaran juara dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM12,000.

Pasukan yang menerima mata tertinggi akan meraih wang tunai bernilai RM5,000.